

KEBERKESANAN RUANGAN LEBUH MEDAN PASAR DALAM MEMPENGARUHI AKTIVITI MASYARAKAT SETEMPAT

¹Afini Qayyum Mohamad, ^{*1}Mohd Iskandar Abd Malek, ²I Nyoman Gede Maha Putra.

¹ Program Seni Bina
Jabatan Seni Bina dan Alam Bina,
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Program Studi Arsitektur,
Fakultas Teknik dan Perancanaan
Universitas Warmadewa,
Denpasar, Bali.

*Correspondence e-mail: iskandarmalek@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti dan memahami sejauh manakah kepenggunaan sesebuah ruangan awam serta mengkaji karakter fizikal dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat sekeliling yang mempengaruhi aktiviti tersebut. Ruangan awam yang telah dipilih ialah ruangan Lebuhr Medan Pasar yang terletak di tengah kawasan Kuala Lumpur Lama. Ruang awam tersebut dipilih kerana menjadi tumpuan masyarakat di ibu kota serta mempunyai kepentingan dan keistimewaan sejarah yang tersendiri. Kajian ini mengaplikasikan kaedah metodologi kualitatif dimana ia melibatkan dua teknik pengumpulan data iaitu kajian kes, pemerhatian di tapak kajian serta kajian literatur. Teknik pemerhatian akan dianalisa secara kualitatif di mana pendekatan pemerhatian berstruktur digunakan. Oleh itu, hasil penemuan dan dapatan kajian ini akan membantu dalam membangunkan kawasan kajian serta mengekalkan elemen penting sebagai identiti setempat terhadap ruangan awam tersebut.

Kata kunci: Ruang awam, kualiti rekabentuk bandar, aktiviti

PENGENALAN

Ruangan awam merupakan sebuah elemen yang sangat penting di dalam sesebuah pembangunan bandar. Menurut Jan Gehl di dalam naskhah penulisannya yang berjudul '*Cities for People*' (2010), Ruangan awam merupakan sebuah elemen yang menjadi perlambangan dan identiti sesebuah kawasan. Ruangan awam merupakan sebuah tempat yang mempunyai kebolehcapaian terhadap semua tempat tanpa mengira jantina, umur, agama, bangsa dan status sosio-ekonomi menjadikan sifat ruangan tersebut sebagai ruangan demokrasi kepada masyarakat (Abd Malek, 2020).

Ketetapan fizikal sesebuah ruangan awam telah dibina secara sosial untuk membina atau mempengaruhi tingkah laku masyarakat setempat (Putra & Putra, 2019). Ruangan awam

berfungsi sebagai ruangan utama untuk berkomunikasi dan berdialog kepada masyarakat dan bertindak sebagai simbol kefahaman dan inspirasi kepada sesebuah bandar. Ia juga pusat tumpuan aktiviti utama serta menjadi lambang kepada identiti kepada fabrik bandar tersebut (Abd Malek, 2020). Ruangan awam juga menggambarkan ketenangan suasana yang menyinarkan atmosfera positif kepada sesebuah tempat dimana masyarakat daripada berbeza latar dan budaya hadir bersama di dalam konteks menyokong hubungan bersama. Ini berlaku apabila aktiviti, peristiwa dan kejadian ini berulang, sekaligus menjadikan ruangan awam sebagai tunjang utama dalam melaksanakan misi kehidupan masyarakat yang positif (Hou, 2010).

Kajian ini adalah mengenai ruangan awam kajian yang telah dipilih iaitu ruangan Lebuh Medan Pasar yang terletak di tengah Bandaraya Kuala Lumpur Lama dengan mengkaji karakter fizikal dan kepenggunaan masyarakat terhadap ruangan tersebut yang berfungsi sebagai sebuah ruangan awam terbuka. Penyertaan aktiviti sosial masyarakat setempat setempat di Lebuh Medan Pasar telah dikaji melalui pemerhatian terhadap tingkah laku dan aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat disitu. Justifikasi faktor-faktor yang mempengaruhi dan menggalakkan aktiviti tersebut untuk berlaku adalah bagi menentukan variasi kepenggunaan masyarakat serta kualiti dan keberkesanan ruangan Lebuh Medan Pasar sebagai sebuah ruangan awam. Pemerhatian dan perbandingan diantara kajian literasi serta kajian kes terhadap ruangan awam Lebuh Medan Pasar melalui konteks setempat dilaksanakan bagi menentukan keberkesanan dan kualiti ruangan tersebut sebagai sebuah ruangan awam terbuka warisan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini juga memahami aktiviti pada ruangan awam kajian yang telah dipilih iaitu ruangan Lebuh Medan Pasar yang terletak di tengah Bandaraya Kuala Lumpur Lama dengan mengkaji karakter fizikal dan kepenggunaan masyarakat terhadap ruangan tersebut yang berfungsi sebagai sebuah ruangan awam terbuka. Penyertaan aktiviti sosial masyarakat setempat setempat di Lebuh Medan Pasar telah dikaji melalui pemerhatian di tapak dan aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat sekeliling. Justifikasi faktor-faktor yang mempengaruhi dan menggalakkan aktiviti tersebut adalah bagi menentukan variasi kepenggunaan masyarakat serta kualiti dan keberkesanan ruangan Lebuh Medan Pasar. Pemerhatian dan perbandingan diantara kajian literasi serta kajian kes terhadap ruangan awam Lebuh Medan Pasar melalui konteks setempat dilaksanakan bagi menentukan keberkesanan ruangan tersebut sebagai sebuah ruangan awam terbuka warisan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian bagi proses pengumpulan kesemua data kajian adalah melalui kaedah kualitatif iaitu kaedah pemerhatian di tapak serta kajian literatur. Penyelidikan kualitatif memperoleh data dalam bentuk deskriptif, seperti kata-kata lisan atau tingkah laku manusia yang diperhatikan. Kaedah pemerhatian dilakukan dengan melawat tapak kajian kes bagi memahami faktor yang mempengaruhinya serta mengkaji keberkesanan kawasan tersebut yang berfungsi sebagai sebuah ruangan awam yang efektif membentuk aktiviti masyarakat setempat. Selain itu, pendekatan kajian kes juga berguna untuk menangani pertanyaan deskriptif dan penjelasan yang memerlukan analisis mendalam (Yin, 2014). Kajian kes juga bersesuaian kerana membawa hasil kajian yang lebih lengkap dan terperinci ke atas kes

tunggal serta lebih memahami konteks persekitaran kawasan bandar (Bryman, 2015 dan Shamsuddin, 2011).

ISU DAN PERMASALAHAN

Pada zaman pengembangan bandar yang pesat dan kian membangun ini, kepelbagaian penggunaan ruangan awam dan percambahan pembangunan yang pesat telah mengakibatkan banyak kemusnahan kepada fabrik bandar (Abd Malek, 2018). Dengan ini, ia tidak dapat memenuhi tujuan asal dan tradisi ruangan awam yang merupakan tunjang penerapan aktiviti sivik daripada masyarakat dalam pembangunan bandar (Gehl, 2010). Kebanyakan ruangan awam terbuka masa kini dibangunkan tanpa mencerminkan identiti masyarakat setempat dengan mengabaikan nilai sejarah warisan serta tidak meraikan budaya sediaada masyarakat setempat (Madanipour, 1996; Magilevich, 2020).

Kebanyakan ruangan awam yang dibangunkan pada masa kini tidak menyediakan pelantar yang kondusif bagi menggalakkan penyertaan sosial masyarakat setempat. Pembukaan ruangan yang meletakkan had kepada sesetengah golongan serta tidak memberikan penyertaan sama rata dan adil kepada segenap lapisan masyarakat merupakan faktor yang menyumbang kepada kejatuhan sesebuah ruangan awam (Hou, 2010). Perkara tersebut perlu diteliti semula dengan mengambil kira karakter fizikal setempat dan penyesuaian terhadap konteks sesebuah tempat bagi mewujudkan sebuah ruangan awam yang berkualiti dan efektif (Abd Malek, 2018; Putra & Putra, 2019).

Negara Malaysia pada masa kini merupakan sebuah negara yang sedang berkembang pesat seiring dengan kemajuan globalisasi. Peningkatan jumlah penduduk di Malaysia serta kemajuan bandaraya telah menyebabkan populasi rakyat Malaysia tertumpu kepada berberapa kawasan bandar, justeru menyebabkan kepadatan populasi rakyat di bandar semakin meningkat serta mewujudkan kekangan di dalam ruangan bandar yang semakin padat. Hal ini telah menyebabkan wujudnya ruangan awam yang menjadi tempat untuk masyarakat berkumpul dan melaksanakan aktiviti. Tapak kajian Lebuh Medan Pasar dipilih dan dikaji berdasarkan konteks tempatan. Lebuh Medan Pasar yang dahulunya merupakan pusat komersial utama bagi seluruh Kuala Lumpur suatu ketika dahulu mempunyai keistimewaan nilai sejarah dan identiti yang tinggi dan menjadi sebuah ruangan yang ikonik terhadap bandaraya Kuala Lumpur (Gullick, 2000).

Walaupun berada di lokasi yang strategik di tengah ibu kota, Medan Pasar seolah-olah terabai dan tidak disedari mempunyai nilai warisan sejarah yang berharga sebagai sebuah ruangan awam warisan (Abd Malek, 2020). Kepenggunaan serta penyertaan masyarakat setempat terhadap interaksi sosial di ruangan tersebut dikatakan tidak kondusif dan tidak mencerminkan identiti ruangan tersebut.

Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk menentukan sejauh mana keberkesanan Lebuh Medan Pasar dalam mempengaruhi aktiviti masyarakat dan membentuk identiti setempat. Karakter fizikal serta kepenggunaan Lebuh Medan Pasar akan dikaji serta kepelbagaian aktiviti masyarakat setempat di ruangan tersebut.

KAJIAN LITERATUR

Ruangan awam terbuka bermaksud ruang luar yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas tanpa ada sekatan atau kekangan. Menurut Mariana Magilevich di dalam naskah bukunya yang berjudul '*The Invention of Public Space*' (2020) mengatakan bahawa ruangan awam terbuka merupakan sebuah panggung yang mempamerkan drama realiti kehidupan masyarakat semasa. Bagi memahami topik kajian, tiga elemen telah dikenalpasti yang saling berkait untuk kajian literatur iaitu definisi ruangan awam terbuka yang melingkupi aspek karakter dan imej fizikal ruangan awam, tipologi dan peranan ruangan terbuka, serta tipologi ruangan awam terbuka yang sedia ada di bandar lama kuala lumpur yang mempengaruhi aktiviti tersebut bagi menentukan keberkesanan aktiviti pada ruang awam tersebut.

DEFINISI RUANGAN AWAM

Berdasarkan '*Project for Public Space*' (2000), ruangan awam merupakan ruangan luar bangunan yang memberikan kelegaan terhadap kesibukan bandar yang pesat dan hiruk-pikuk. Antara contoh ruangan tersebut adalah laluan pejalan kaki, jalan raya, taman, balai raya, lapangan, dataran dan plaza yang berhubungkait antara satu sama lain yang membentuk ruangan. Madanipour (1996) mengatakan bahawa ruangan awam terbuka merupakan kawasan dalam atau luar bandar, yang boleh diakses secara fizikal atau dimasuki oleh semua orang tanpa mengira latar belakang, jantina, umur, kaum dan agama. Ruangan awam merupakan zon bebas yang menyamaratakan hak kesemua pihak masyarakat.

Berdasarkan pemahaman istilah bentuk dan ruang, ruangan awam terbuka tampil dengan pelbagai bentuk fizikal yang berbeza berdasarkan Carmona di dalam bukunya yang berjudul '*Public Space – Urban Space*'. Jacobs (1961) pula berpendapat bahawa ruangan awam terbuka merupakan ruang yang disediakan khusus kepada orang awam seperti kafe, taman tema, jalan-jalan dan laluan pejalan kaki. Ruang terbuka dapat membentuk taman awam dan ruang untuk masyarakat beriadah. Dengan kata lain, ruangan awam merupakan ruang bandar yang tidak mempunyai bumbung dan mempunyai elemen semulajadi.

Meskipun ruangan awam terbuka wujud dalam pelbagai bentuk fizikal, namun semua ruangan awam memainkan peranan penting dalam sesebuah bandar iaitu pemuliharaan insaniah, riadah komuniti serta hubungan antara insan dan alam semulajadi, kesihatan mental dan sosial (Lynch 1965, 1990). Ruangan awam terbuka merupakan sebuah tapak untuk meraikan perbezaan budaya, berinteraksi dengan proses alam untuk memelihara kenangan. Jeffrey Hou (2010) pula mengungkapkan ruangan awam terbuka sebagai tempat untuk mengekspresikan tradisi dan budaya serta tempat untuk memboloskan diri daripada kekangan sosial. Manakala Abd Malek (2020) menganggap ruangan awam terbuka sebagai tempat aktiviti kemasyarakatan dan kenegaraan dan sosio-budaya, sebagai refleksi komuniti setempat yang menjadi perlambangan identiti melalui interaksi masyarakat dalam kenyataan fizikal, sosial, politik, dan ekonomi.

Selain itu, ruangan awam terbuka juga merupakan tempat pertukaran bakat, kenangan dan pengalaman, pertukaran barang serta pertukaran jual beli, serta pertukaran pendapat dan pandangan oleh segenap lapisan masyarakat (Gehl, 2010). Menurut Mariana Magilevich di

dalam naskhah bukunya yang berjudul '*The Invention of Public Spaces*' (2020) pula mengatakan bahawa ruangan awam terbuka merupakan ruangan yang wujud diantara celahan bangunan pada kawasan bandar yang harus diakses oleh orang awam. Ruangan ini menjadi tempat warga bandar bersemuka dan berdialog antara satu sata lain sambil menikmati alam semulajadi. Ruangan awam menjadi simbolik karakter sesebuah bandar sehingga dikatakan sebagai 'ruang tamu' ataupun 'jendela' bandar. Ruangan awam terbuka bersifat fleksibel untuk memenuhi kehendak masyarakat di dalam sesebuah masa dan kepenggunaan yang menjadi pusat untuk berlakunya kegiatan sosial, ekonomi, politik dan budaya.

TIPOLOGI RUANGAN AWAM

Menurut Jan Gehl (2018), Jeffrey Hou (2010) terdapat beberapa jenis ruangan awam terbuka seperti kampus, kawasan komuniti, taman persendirian atau taman awam, laluan hijau, landskap bersejarah, persekitaran perumahan, lanskap komplek pejabat, kawasan terbuka metropolitan, hutan negara, taman negara, kawasan riadah, jalan, dan taman bandar.


Ruangan awam terbuka dapat dikategorikan kepada berberapa jenis dan kumpulan menurut Matthew Carmona (2010), ruangan awam dapat diklasifikasikan kepada ruangan positif, ruangan negatif, ruangan persendirian serta ruangan terbuka dan setiap kategori tersebut mempunyai sifat dan fungsi yang berbeza megikut tujuan masing-masing.

Secara khususnya, ruangan awam terbuka berkembang maju melalui berberapa jenis proses yang berbeza. Yang pertama adalah ruangan awam terbuka berkembang melalui proses semulajadi dimana dengan adanya penyesuaian, dan penggunaan yang berulang atau tertumpunya sejumlah manusia di tempat tersebut untuk tujuan tertentu ataupun wujudnya tarikan. Proses yang kedua adalah ruangan awam yang dirancang oleh manusia untuk memenuhi kehendak tertentu. Menurut Jeffrey Hou (2010), kedua-dua proses yang berbeza ini membawa hasil yang sama yang dapat menampung keperluan masyarakat setempat. Kawasan ini menjadi tumpuan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti bertemu, bersantai, berjual-beli, beriadah dan sebagainya. Kegiatan masyarakat yang berlaku di ruangan awam tidak dapat di agak dan dirancang sepenuhnya. Sebaliknya, ruangan awam terbuka yang diekembangkan melalui perancangan manusia sendiri seperti Arkitek dan Perancang Bandar kerana ruangan seperti ini selalunya merupakan sebahagian daripada kawasan tata letak bandar, perancangan perumahan, kompleks pejabat ataupun ruangan awam. Sama ada sesebuah ruang terbuka awam terbentuk secara terencana atau tidak, namun kedua-duanya dapat diakses oleh orang awam.

TIPOLOGI RUANGAN AWAM TERBUKA YANG SEDIA ADA DI BANDAR LAMA KUALA LUMPUR

Menurut Agensi *Thinkcity*, ruang awam terbuka yang sedia ada di Bandar Lama Kuala Lumpur terbahagi kepada dua jenis iaitu ruang awam terbuka luas (*wide open spaces*) dan ruang awam terbuka selari (*linear open spaces*). Jenis-jenis ruang awam terbuka ini dapat dilihat dengan begitu signifikan di sekitar Bandar Lama Kuala Lumpur dan masih digunakan oleh masyarakat awam dan pengunjung luar sehingga masa kini.

Jadual 1: Tipologi Ruang Awam Terbuka Luas (Wide Open Spaces).

KOMPONEN	KETERANGAN	KEGUNAAN
TAMAN HIJAU 	Taman hijau merupakan taman yang wujud sama ada secara semulajadi, separa semulajadi atau buatan manusia yang terdiri dan boleh diakses oleh orang awam.	Tempat rekreasi semulajadi yang mempunyai kepelbagaiannya flora fauna serta bermanfaat dalam penyerapan karbon dioksida dan mengurangkan pulau haba di bandar.
RUANG POKET 	Ruang poket adalah ruang kosong berskala kecil yang wujud di antara bangunan-bangunan.	Tempat persinggahan untuk beristirehat atau mencari ketenangan dan mempunyai tempat duduk ataupun alat bermain dan sesuai sebagai lokasi untuk melakukan acara/perjumpaan kecilan serta menghabiskan waktu rehat pejabat.
DATARAN UPACARA 	Sebuah plaza upacara yang mempunyai latar belakang bersejarah dan digunakan untuk sebarang sambutan atau keraian.	Titik fokus untuk sambutan yang diadakan di peringkat kebangsaan dan aktiviti serta majlis yang signifikan bagi masyarakat setempat.
MEDAN 	Kawasan terbuka di antara bangunan di bandar dan mempunyai laluan pejalan kaki, tempat duduk yang selesa dan dikelilingi pokok besar/ renek dan terdapat kedai-kedai yang berdekatan.	Tempat berkumpul bagi komuniti setempat dalam meraikan sambutan atau majlis berskala sederhana.
KAWASAN TERBUKA INSTITUSI 	Kawasan hijau yang terbuka tetapi mempunyai akses yang terhad kepada orang awam dan dimiliki oleh bangunan institusi awam atau peribadi.	Kawasan rekreasi yang digunakan untuk kehidupan harian seperti aktiviti sukan, persembahan kebudayaan dan juga interaksi sosial.

JALAN BESAR	Jalan besar dengan kelebaran sekurang-kurangnya 4 laluan dan mempunyai karakter signifikan seperti liputan pokok matang, persiaran yang luas dan mempunyai median jalan.	Penghubung antara kawasan-kawasan utama di bandar dan laluan pengangkutan serta berpotensi bagi menyediakan perkhidmatan ekologi.
JALAN KOMERSIAL	Jalan berkelebaran sederhana yang mempunyai "frontage" aktif seperti restoran, aktiviti runcit di aras tanah dan pejabat atau aktiviti komersial di aras atas.	Penyokong bagi perniagaan tempatan dan mewujudkan satu suasana persekitaran yang selamat dan meriah bagi komuniti setempat.

(Sumber: *KL Creative and Cultural District Master Plan (KLCCD)*,
Agenzia Thinkcity, 2019)

KAJIAN KES

LEBUH MEDAN PASAR, KUALA LUMPUR



Gambarajah 1: Peta Lebuh Medan Pasar
Sumber: Penulis, 2021

Lebuh Medan Pasar adalah model tipologi ruang awam terbuka luas di antara bangunan yang merupakan sebuah kawasan ikonik warisan serta menjadi salah sebuah aset tarikan di Kuala Lumpur kerana kepentingan sejarah, kedudukan lokasi serta konteks yang berada di sekeliling kawasan tersebut. Lebuh Medan Pasar yang dahulunya merupakan kawasan komersial pertama semenjak pembukaan Kuala Lumpur. Kini, telah menjadi sebuah ruangan awam utama yang menempatkan bangunan pejabat dan bank serta menjadi

platform masyarakat untuk melaksanakan aktiviti sosio-budaya. Lebuh Medan Pasar terletak di tengah kawasan Kuala Lumpur lama dan menjadi pusat yang mempunyai kaitan dengan beberapa kawasan bersejarah dan mercu tanda utama yang lain seperti *Central Market*, *Petaling Street*, Lebuh Ampang, Masjid Jamek dan Dataran Merdeka.

KARAKTER DAN FUNGSI LEBUH MEDAN PASAR

Berdasarkan pemerhatian pada tapak yang telah dilakukan, Lebuh Medan Pasar telah dikenalpasti sebagai sebuah dataran yang merupakan sebuah ruangan awam yang terletak di tengah bandaraya Kuala Lumpur lama. Ruangan Lebuh Medan Pasar merupakan sebuah tempat yang menjadi tumpuan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti sosio-budaya.



Gambarajah 2: Suasana Lebuh Medan Pasar
Sumber: Penulis, 2021

Disekitar kawasan Lebuh Medan Pasar, terdapat beberapa ciri dan karakter yang jelas menonjol dalam menjadikan kawasan tersebut unik. Kawasan ini merupakan gabungan imej bangunan berciri senibina moden bersama dengan bangunan berciri senibina ‘neo-classical’ serta ‘Art Deco’ dan juga integrasi landskap secara harmoni dan mampu berdialog dengan masyarakat. Ianya merupakan kawasan yang masih mengekalkan karakter bersejarah namun dikelilingi dengan pembangunan yang pesat kerana faktor lokasinya yang terletak di tengah bandaraya Kuala Lumpur dan berhampiran dengan kawasan-kawasan yang menjadi mercu tanda kepada bandaraya tersebut (Jabatan Warisan Negara, 2005).


Ruangan Lebuh Medan pasar hanya boleh diakses melalui pejalan kaki, penunggang basikal serta penunggang motosikal menjadikan ia sebuah kawasan bebas kereta. Hal ini menjadikan Lebuh Medan Pasar sebuah kawasan yang selamat serta ideal untuk berfungsi sebagai ruangan awam terbuka kepada masyarakat setempat. Imej dan karakter lebuh medan pasar boleh dikategorikan kepada beberapa faktor seperti bangunan moden, bangunan neo-classical, monumen, landskap lembut dan landskap kejur.

I. DIKELILINGI BANGUNAN MODEN

Seperti yang diyatakan oleh JM Gullick di dalam naskhah penulisannya yang berjudul ‘*A History of Kuala Lumpur*’ (2000), semenjak Negara Malaysia telah diperkenalkan dengan inisiatif Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan pada tahun 1974, Lebuh Medan Pasar telah

ditransformasikan sebagai pusat komersial utama dan Hub Ekonomi bagi negara Malaysia. Justeru, beberapa bangunan bebas berdiri (*free standing building*) telah dibina pada kawasan tersebut bagi menempatkan bangunan-bangunan yang berfungsi sebagai bank. Bangunan tersebut telah dibina dengan menggunakan pendekatan senibina berunsur moden yang selaras dengan kemajuan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa itu.

i.



ii.



iii.



Gambarajah 3: Lebuh Medan Pasar dikelilingi oleh bangunan pejabat pencakar langit seperti i) Bangunan Kwong Hing Group, ii) Bangunan HSBC, dan iii) Bangunan Wisma Maran (Pejabat)

Sumber: Penulis, 2021

Bangunan Moden yang terdapat di Lebuh Medan Pasar dahulunya merupakan bangunan rumah kedai biasa yang telah dibangunkan menjadi bangunan tinggi kerana kepesatan dan kemajuan ekonomi Kuala Lumpur. Semenjak dahulu, Lebuh Medan Pasar merupakan kawasan komersial yang menempatkan bangunan rumah kedai yang digunakan sebagai bangunan perniagaan komersial dan bank. Bangunan-bangunan pejabat, bank serta hotel ini menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kepenggunaan masyarakat terhadap kawasan Lebuh Medan Pasar setiap hari kerana memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dan menjadi sebab kepada sesetengah masyarakat untuk menggunakan ruangan Lebuh Medan Pasar secara konsisten.

II. BANGUNAN NEO-CLASSICAL

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di dalam naskhah buku ‘Heritage Trail dan Tempat Ikonik’ (2010), Bangunan rumah kedai 3 tingkat yang dibina dengan menggunakan pendekatan senibina *Neo-classical* adalah bagi menggantikan binaan rumah kedai yang berasaskan pendekatan senibina ‘utiliterian’ yang pernah terbakar suatu ketika dahulu. Bangunan ini dibina dengan menggunakan bahan binaan tetap yang lebih kukuh dan dapat mengelakkan risiko tragedi kebakaran besar tersebut daripada berulang. Pendekatan senibina *Neo-classical* ini adalah daripada pengaruh yang dibawa masuk oleh kolonial British.



Gambarajah 4 : Rumah kedai bercirikan senibina ‘neo-classical’ dan sebahagiannya terbiar tanpa penghuni dan operasi perniagaan.

Sumber : Penulis, 2021

Berdasarkan gambar rajah diatas, bangunan rumah kedai lama yang bercirikan senibina ‘neo-classical’ masih berada dalam keadaan terpelihara di Lebuh Medan Pasar. Bangunan rumah kedai ini dahulunya merupakan bangunan yang diperbuat daripada bahan binaan tidak kekal seperti kayu serta atap jerami. Namun, setelah peristiwa kebakaran yang berlaku sekitar 1880, ia telah diganti dengan pembinaan struktur rumah kedai menggunakan bahan binaan kekal seperti batu bata dan jubin. Ini bagi memastikan binaan rumah kedai tersebut kukuh dan insiden kebakaran tidak akan berulang kembali (JM Gullick, 2000). Namun kini, kebanyakan bangunan rumah kedai tersebut telah dibiarkan kosong tanpa penghuni dan kondisi rumah kedai tersebut semakin rosak kerana tidak diselenggara dengan baik.

III. MONUMEN

Menurut Jeffrey Hou di dalam naskhah bukunya yang berjudul ‘*The Insurgent Public Space*’ (2010), beliau menyatakan bahawa monumen merupakan sebuah elemen yang penting di dalam sesebuah ruangan awam kerana monumen berfungsi sebagai penanda yang jelas dan berhubung secara visual yang terus bagi membuatkan masyarakat mengenali sesebuah tempat. Menara jam di Lebuh Medan Pasar ini merupakan sebuah elemen karakter ikonik yang utama melambangkan kawasan ini.

Menara jam ini mula dibangunkan pada tahun 1937 ketika negara Malaysia masih lagi bernaung dibawah jajahan kerajaan British. Menara jam ini dibina bagi memperingati pertabalan Raja George IV. Dahulunya, menara jam ini merupakan mercu tanda yang dikelilingi dengan bulatan jalan Lebuh Medan Pasar sebelum kawasan tersebut menutup akses kereta dan diwartakan untuk menjadi sebuah sebuah ruangan awam. Inisiatif tersebut telah menjadikan ruangan Lebuh Medan Pasar menjadi sebuah ruangan awam yang mesra pejalan kaki (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2010).



Gambarajah 5 : Menara Jam lebuh Medan Pasar
Sumber : Penulis, 2021

IV. LANDSKAP LEMBUT

Menurut Mariana Magilevich di dalam naskhah penulisannya yang bertajuk '*The Invention of Public Space*' (2020), sesebuah ruangan awam terbuka harulah diintegrasikan dengan elemen kehijauan landskap. Hal ini adalah bertujuan bagi memberikan suasana yang redup dan teduh kepada para pengguna agar dapat menyediakan keadaan yang selesa bagi interaksi sosial untuk berlaku. Selain itu, elemen kehijauan ini juga berfungsi sebagai sebuah medium untuk mendekatkan masyarakat dengan alam semulajadi dan memberi kelegaan terutamanya di kawasan urbanisasi yang padat.



Gambarajah 6 : Rimbunan pokok kanopi pada bahagian hadapan rumah kedai
Sumber : Penulis, 2021

Deretan pokok kanopi yang ditanam pada bahagian hadapan kawasan rumah kedai berfungsi sebagai penghadang cahaya matahari bagi memberikan keselesaan kepada pengguna Lebuh Medan Pasar serta penghuni deretan rumah kedai tersebut. Deretan pokok kanopi yang tingginya mencecah hampir tiga tingkat, yang telah ditanam pada bahagian kiri dan kanan Lebuh Medan Pasar, memastikan kawasan tersebut kekal redup

sepanjang hari. Disebelah pagi, bahagian kiri kawasan Lebuh Medan Pasar akan menjadi panas dan menyebabkan pengguna menjadi tidak selesa untuk melaksanakan sebarang aktiviti.



Gambarajah 7 : Peta lokasi deretan pokok kanopi di Medan Pasar
Sumber : Penulis, 2021

Namun begitu, kawasan disebelah kiri pula kekal redup dan menjadi tumpuan orang ramai untuk melaksanakan aktiviti mereka. Hal yang sama juga berlaku disebelah petang dimana bahagian kiri lebuh medan pasar pula akan menjadi panas menyebabkan aktiviti masyarakat lebih tertumpu pada bahagian kanan yang kekal redup disebabkan oleh elemen landskap lembut.


KEPELBAGAIAN KEPENGUNAAN LEBUH MEDAN PASAR



Gambarajah 8 : Gambaran panorama Lebuh Medan Pasar
Sumber : Penulis, 2021

Lebuh Medan Pasar merupakan sebuah ruangan awam yang sentiasa menerima kunjungan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti sepanjang hari. Pemerhatian pada tapak kajian mendapati bahawa kepenggunaan masyarakat serta aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat adalah berbeza mengikut faktor waktu serta keadaan cuaca pada sepanjang hari. Menurut Mariana Mogivevich di dalam bukunya yang berjudul '*The Invention of Public Space*' 2020, sebuah ruangan awam yang berkualiti haruslah mempunyai variasi aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat setempat kerana ia melambangkan sebuah ruang yang demokratik dan tiada terhad kepada sebarang kemungkinan. Pemerhatian pada tapak

kajian Lebuh Medan Pasar mendapati jumlah pengunjung serta jenis-jenis aktiviti yang dijalankan pada tapak adalah berbeza mengikut pada waktu serta keadaan semasa.



Gambarajah 9 : Carta anggaran jumlah pengguna Medan Pasar pada sela waktu berbeza.

Sumber : Penulis, 2021

Carta tersebut menunjukkan jumlah pengunjung di Lebuh Medan Pasar untuk tempoh masa seminggu. Berdasarkan carta tersebut, dapat dilihat bahawa pada waktu-waktu yang tertentu, berlakunya peningkatan serta penurunan kadar jumlah pengunjung yang berada di tapak kajian. Pada jam 6 pagi, jumlah pengunjung di Lebuh Medan Pasar adalah kurang menjadikan suasana di tapak kajian tersebut lenggang dan sunyi. Namun begitu, pada jam 7 pagi sehingga 8 pagi, jumlah pengunjung telah meningkat secara mendadak sekiranya berikutan faktor masyarakat yang ingin pergi ke tempat kerja di sekitar Lebuh Medan Pasar seperti bank serta pejabat. Pada jam 9 pagi sehingga 10 pagi, berlakunya penurunan jumlah pengunjung kerana waktu tersebut merupakan waktu bekerja. Hal ini menyebabkan keadaan suasana di Lebuh Medan Pasar kembali tenang. Pada jam 11 pagi sehingga 12 tengah hari pula, berlakunya peningkatan jumlah masyarakat semula kerana waktu tersebut merupakan waktu rehat tengah hari bagi kebanyakan pejabat menyebabkan suasana di Lebuh Medan Pasar menjadi sibuk disebabkan oleh pengunjung yang ingin melaksanakan aktiviti seperti makan tengah hari serta pergi berurus di bank. Selain itu, faktor muslimat yang ingin pergi ke Masjid Jamek serta Masjid Negara bagi menunaikan ibadah Solat Jumaat juga menjadi punca kenaikan jumlah pengunjung.

Setelah melewati waktu kemuncak pada tengah hari, suasana di lebuh Medan Pasar kembali tenang dan sunyi pada jam 2 petang berikutan faktor masyarakat yang telah kembali memasuki tempat kerja masing-masing. Selain itu, keadaan cuaca pada jam 2 petang sehingga 4 petang adalah sangat panas serta tidak sesuai untuk masyarakat melaksanakan sebarang aktiviti di tempat terbuka. Kebanyakan aktiviti lebih tertumpu di kawasan berteduh seperti di kaki lima dan di bawah pokok. Pada jam 5 petang pula, suasana di Lebuh Medan Pasar kembali sesak dengan peningkatan jumlah pengunjung yang tinggi. Hal ini kerana pada jam tersebut, merupakan waktu tamat bekerja dan masyarakat ingin pulang ke kediaman masing-masing. Hal ini menyebabkan kadar kepenggunaan Lebuh Medan Pasar meningkat kerana masyarakat yang ingin pulang ke kediaman masing-masing telah melewati kawasan tapak kajian sama ada menggunakan kenderaan persendirian, kenderaan awam maupun berjalan kaki. Waktu jam 5 petang sehingga jam 7 malam merupakan waktu kemuncak kepenggunaan masyarakat terhadap

ruangan Lebuh Medan Pasar kerana pada waktu tersebut, kebanyakan mereka telah selesai bekerja serta keadaan cuaca pada jam berikut adalah redup dan sesuai buat masyarakat untuk melaksanakan aktiviti rekreasi.

Pada jam 7 malam sehingga 9 malam, jumlah pengunjung di Lebuh Medan Pasar telah menurun menyebabkan keadaan di Lebuh Medan Pasar kembali sunyi. Hal ini kerana pada waktu tersebut, adalah waktu beribadat bagi umat Islam bagi menunaikan solat fardhu Maghrib dan Isyak. Namun begitu, pada jam 9 malam telah berlakunya peningkatan kadar pengunjung di lebuh Medan Pasar bagi menjalankan aktiviti rekreasi pada waktu malam. Keadaan di Lebuh Medan Pasar kembali lenggang dan sunyi berikutan penurunan kadar pengunjung pada jam 11 malam sehingga jam 5 pagi. Hal ini kerana kebanyakan perniagaan komersial serta pejabat di sekitar kawasan tapak kajian telah pun tutup pada jam tersebut. Elemen-elemen tarikan seperti pancuran air berlampa juga telah dimatikan menjadikan keadaan di tapak menjadi gelap dan sunyi serta tidak sesuai untuk melaksanakan sebarang aktiviti sosial.

AKTIVITI MASYARAKAT DI LEBUH MEDAN PASAR DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AKTIVITI TERSEBUT

I. AKTIVITI FORMAL

Menurut Jan Gehl di dalam bukunya the '*Cities for People*' (2010), sebuah ruangan awam haruslah mampu berfungsi sebagai ruangan transisi masyarakat untuk melaksanakan hal-hal rasmi serta hal-hal peribadi bagi menjadikan sesebuah ruangan awam tersebut efisien dan berjaya. Sesebuah ruangan awam juga haruslah diletakkan berhampiran dengan kawasan komersial bagi memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk melaksanakan kehendak mereka. Di kawasan Lebuh Medan Pasar, terdapat beberapa aktiviti formal yang dilaksanakan oleh masyarakat.

II. AKTIVITI TIDAK FORMAL

Menurut Jeffrey Hou di dalam bukunya yang berjudul '*The Insurgent of Public Space*' (2010), sebuah ruangan awam yang berjaya dan berkualiti haruslah membenarkan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti sosio-budaya secara bebas tanpa sebarang had yang menyekat perbuatan tersebut. Sesebuah ruangan awam haruslah bertindak sebagai sebuah tempat pengumpulan sementara buat masyarakat untuk melaksanakan sebarang aktiviti untuk meneroka kemungkinan tanpa had, menjadikan ruangan tersebut sebuah ruangan yang demokratik dan memberi peluang adil kepada setiap individu. Sewaktu menjalankan pemerhatian pada tapak kajian, Lebuh Medan Pasar telah dilihat menjadi sebuah platform yang membenarkan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti sosial tanpa sebarang had. Hal ini telah menjadikan kepenggunaan masyarakat terhadap kawasan tersebut bebas dan pelbagai.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat, perancangan terhadap pemuliharaan ruangan bersejarah serta kualiti ruangan awam masih belum dipandang serius terutamanya di kawasan yang mempunyai potensi untuk kemajuan namun kurang mendapat perhatian di dalam pembangunan. Pembangunan hari ini tidak mengambil serius terhadap konteks dan tidak sensitif terhadap nilai dan karakter tempatan yang melibatkan ruangan awam. Hasilnya, kesalahan berkaitan perancangan bandar serta kualiti ruangan awam warisan sering berulang kembali. Melalui kajian ini, diharapkan golongan praktis dapat mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kepenggunaan dan aktiviti masyarakat setempat di sesebuah ruangan awam serta nilai karakter dan identiti dapat dititikberatkan lagi. Penemuan Kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan penanda aras dalam mereka bentuk dan memelihara sesebuah ruangan awam yang mempunyai karakter dan identiti warisan yang tinggi. Selain itu, kaedah pemerhatian yang digunakan juga turut membantu dalam memahami permasalahan dalam sesebuah ruangan awam di negara Malaysia secara umumnya. Penilaian dan reaksi pengguna terhadap ruangan awam itu sendiri harus diambilkira. Ini akan menghormti dan memahami dengan lebih mendalam lagi akan kehendak masyarakat terhadap kepentingan dan keperluan mereka sebagai pengguna utama sesebuah ruangan awam.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa karakter dan kepenggunaan Lebuh Medan Pasar sebagai sebuah ruangan awam terbuka adalah kerana faktor fizikalnya sendiri serta kepenggunaannya adalah disebabkan faktor lokasi dan konteks sekelilingnya. Melalui kajian pemerhatian yang dijalankan, kebanyakannya kriteria identiti Lebuh Medan Pasar masih berada di dalam keadaan yang baik dan terpelihara. Karakter dan identiti Lebuh Medan Pasar yang dipengaruhi oleh tampak bangunan moden dan bangunan '*Neo-classical*', monumen Menara Jam serta landskap lembut dan landskap kejur berada di dalam keadaan yang baik dan terpelihara. Konteks utama seperti bangunan warisan, rumah ibadat dan ruangan awam di sekeliling kawasan Lebuh Medan Pasar juga berada di dalam keadaan yang baik dan terpelihara.

Selain itu, Lebuh Medan Pasar juga telah terbukti merupakan sebuah ruangan awam yang berkualiti dan efektif dalam mempengaruhi aktiviti serta membentuk masyarakat melalui faktor kebolehcapaian dan akses pada kawasan tersebut, kemudahan yang disediakan oleh tempat tersebut kepada masyarakat serta variasi aktiviti formal dan tidak formal yang telah dilaksanakan oleh masyarakat. Oleh itu, masyarakat sendiri haruslah memainkan peranan masing-masing dalam memelihara kelestarian dan kualiti ruangan Lebuh Medan Pasar sebagai sebuah ruangan awam terbuka warisan yang berkualiti dan selamat. Diharapkan segala penemuan dan cadangan terhadap karakter dan kepenggunaan serta aktiviti masyarakat di Lebuh Medan Pasar sebagai sebuah ruangan awam terbuka warisan dapat diaplิกasikan oleh kerajaan, pemaju dan perancang bandar serta masyarakat dalam usaha memelihara dan menaiktaraf kualiti serta dapat menghasilkan sebuah ruangan awam yang berjaya di masa hadapan.

RUJUKAN

- [1] Abd Malek, M. I. (2018) The Typo-Morphology Analysis in relation to Socio-Spatial Transformations of Kampong Bharu, Malaysia. In *Research Student Conference 2018 Faculty of Technology, Design and Environment Oxford Brookes University Ox* (p. 13).
- [2] Abd Malek, M. I. (2020). Mixed-Use, Mixed-Income Neighbourhood Typo-Morphology: The Case of Kampong Bharu, Kuala Lumpur, Malaysia (Doctoral Thesis, oxford Brookes University) OBU Radar, Oxford.
- [3] Bryman.A. (2016). *Social research method (5th Edition)*. New York: Oxford University Press Inc.
- [4] Carmona, M., Tiesdell, S., Heath, T., & Oc, T. (2010). *Public places–urban spaces: the dimensions of urban design*. United Kingdom: Routledge.
- [5] Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2010b) Heritage Trail & Tempat Ikonik, Draf Pelan Bandaraya KL Jilid 2.
- [6] Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996) Garis Panduan Pengekalan Bangunan Di Dalam Kawasan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, Penerbitan Unit Pengekalan Seni Bandar, DBKL.
- [7] Fielden BM (2000) Conservation of Historic Buildings. Architectural Press, Oxford
- [8] Gehl. Jan, (2010). *Cities for People*, Illustrated ed in Washington (DC) ; Covelo ; London, Island Press, (2010)
- [9] Hamzah Jusoh & Amriah Buang. 2014. Transformasi Medan Pasar sebagai ikonik pelancongan warisan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- [10] Hou, Jeffrey. (2010), *Insurgent Public Space Guerrilla Urbanism and the Remaking of Contemporary Cities*, Taylor and Francis (2010)
- [11] Jacobs, J. (1961). *The death and life of great American cities*. Vintage Books.
- [12] JM. Gullick (2000). History of Kuala Lumpur, Vivekananda Bookstore (2000)
- [13] Kuala Lumpur Think City. (2019) Kuala Lumpur Creative and Cultural District Strategic Masterplan.
<https://thinkcity.com.my/publications/KLCCD-Strategic-Masterplan-EN/#page=82>
(2019, August 13)
- [14] Madanipour A. (1996). *Design of Urban Space: an Inquiry into a Socio-Spatial Process*. John Wiley & Sons Ltd.
- [15] Mogilevich, Mariana. (2020). *The Invention of Public Space: Designing for Inclusion* in Lindsay's New YorkUniversity of Minnesota Press, 2020. JSTOR (2021)

-
- [16] Putra, N. G. M., & Putra, I. B. G. P. (2019). Reinventing Place-identity and Embracing New Economic Opportunities: Promoting Creative Economy of Sanur Through Public Participation. *JAS (Journal of ASEAN Studies)*, 7(2), 150-160.
 - [17] Reuben A. Buford May. (2014) Urban nightlife: entertaining race, class, and culture in public space, Rutgers Univ. Press (2014)
 - [18] Shamsuddin. S (2011). *Townscape revisited: Unravelling the character of the historic townscape in Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM Press.
 - [19] Unit Rekabentuk Bandar dan Warisan, Jabatan Rekabentuk Bandar dan Bangunan (2014) Menukar Aktiviti Perniagaan di Medan Pasar. Kertas Bengkel Seri Pasific Hotel Kuala Lumpur, Anjuran DBKL, 17 Mac 2014.
 - [20] Yin, R. K. (2014). Case Study Research: Design and methods (5th ed.). United States: Sage Publications.